



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

IKTIBAR KISAH QARUN

Tarikh Dibaca :

**12 JAMADIL AWAL 1443H/
17 DISEMBER 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



IKTIBAR KISAH QARUN

12 JAMADIL AWAL 1443H / 17 DISEMBER 2021

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَٰئِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَوَةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ۝

أشهدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ

وَرَسُولَهُ وَصَفِيهِ وَحْيِيهِ مِنْ بَعْثَهُ اللّٰهُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ هَادِيًّا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا بَلَغَ الرِّسَالَةَ

وَأَدَى الْأَمَانَةَ وَنَصَحَّ الْأُمَّةَ وَجَاهَدَ فِي اللّٰهِ حَقَّ جِهَادِهِ فَزَرَّاهُ اللّٰهُ عَنَّا خَيْرًا مَا جَزَى

نَبِيًّا مِنْ أَنْبِيَائِهِ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِياءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى

آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيُّكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ وَطَاعَتِهِ

لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk: “**Iktibar Kisah Qarun**”.

Saya ingin mengingatkan agar kita terus melakukan kawalan kendiri dengan sebaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Saya juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu dan bertaubat dengan sebenar-benar taubat agar kita mendapat pertolongan Allah SWT dan dijauhkan daripada azab dan seksaan-Nya. Firman Allah SWT:

وَأَنِيبُوا إِلَى رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ وَمِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنَصَّرُونَ ۝

Maksudnya: “Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah bulat-bulat kepadaNya, sebelum kamu didatangi azab; kerana sesudah itu kamu tidak akan diberikan pertolongan”. (**Surah al-Zumar ayat 54**)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Zakat merupakan suatu amalan yang dapat menyucikan diri dan harta yang dimiliki. Ia merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang wajib ditunaikan. Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya melaksanakan kewajipan ini sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظْهِرُهُمْ وَتُزَكِّيْهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكُنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْمٌ ۝

Maksudnya: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

Sesungguhnya pensyariatan zakat kepada manusia bertujuan menyuburkan keadilan dalam kehidupan manusia dan membela golongan yang diuji dengan kemiskinan dan kesusahan iaitu asnaf. Ia bukan sahaja dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semulakekayaan kepada golongan asnaf, malah ia menyucikan harta dan jiwa bagi pembayar-pembayar zakat.

Kenanganlah betapa banyaknya nikmat yang Allah kurniakan kepada kita sepanjang tahun ini. Walaupun berlaku pelbagai ujian, namun Allah SWT tidak pernah lupa memberi kita kecukupan rezeki bahkan berlebihan lagi. Sebagai orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari kiamat, sudah pasti kita akan memastikan semua Rukun Islam disempurnakan dengan baik termasuk ibadah zakat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Tahukah para jemaah sekalian, orang yang enggan mengeluarkan zakat kerana bakhil dan kedekut sedangkan mereka mengetahui kewajipannya, maka mereka ini orang yang fasiq, berdosa dan mendapat azab seksa di akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 34-35:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلٍ اللَّهُ فَبَشِّرُهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ۝ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارٍ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ فَدُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ ۝

Maksudnya: “Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (laitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka Jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu, rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu”.

Kisah terbaik buat teladan kita bersama iaitu kisah orang yang mengingkari Allah SWT dengan harta, boleh dilihat menerusi kisah Qarun yang Allah rakamkan dalam al-Quran. Qarun terkenal dengan hartanya yang bertimbun namun akhirnya hartanya itu ditenggelami bumi dek kerana kemegahannya terhadap dirinya dan keangkuhannya dari mentaati perintah Allah SWT. Kisah ini boleh dirujuk dalam al-Quran menerusi Surah al-Qasas ayat 76 hingga 77 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Qarun adalah dia dari kaum Nabi Musa, kemudian dia berlaku sompong dan zalim terhadap mereka; dan Kami telah mengurniakannya dari pelbagai jenis kekayaan yang anak-anak kuncinya menjadi beban yang sungguh berat untuk dipikul oleh sebilangan orang yang kuat sasa. (Qarun berlaku sompong) ketika kaumnya berkata kepadanya: "Janganlah engkau bermegah-megah (dengan kekayaanmu), sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang bermegah-megah. (seperti lagakmu itu). (76) "Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan" (77).

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Melalui penelitian kepada statistik kutipan zakat yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), saban tahun kutipan zakat terus meningkat atas kesedaran daripada umat Islam dan sistem pengurusan kutipan serta agihan yang berkesan. Kutipan-kutipan ini telah diagihkan kepada asnaf-asnaf melalui pelbagai skim bantuan seperti bantuan makanan, bantuan segera, bantuan kewangan, bantuan perubatan, bantuan sekolah, bantuan musibah, bantuan baiki rumah dan banyak lagi yang diagihkan oleh Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri-Negeri atau pihak berkuasa agama negeri.

Bersempena dengan **Bulan Zakat Kebangsaan Tahun 2021** bertemakan **“Zakat Prihatin: Muzakki Cakna, Asnaf Merasa”** diharapkan dapat menyuntik kesedaran umat Islam berzakat dan meyakini institusi zakat sebagai institusi yang berintegriti, bersistematik dan telus yang menguruskan zakat di Malaysia.

Semoga dengan itu, diri kita terus dilimpahi rahmat-Nya dan turut memberi inspirasi kepada para asnaf untuk keluar daripada kemelut kehidupan mereka tidak kira dalam apa jua keadaan sekalipun. Mudah-mudahan lebih ramai asnaf yang berjiwa takwa dapat dilahirkan dalam bidang masing-masing dan mampu mentransformasi diri mereka menjadi insan yang cemerlang.

Mengakhiri khutbah, saya ingin berpesan kepada sidang jemaah sekalian berdasarkan firman Allah SWT :

وَلَا يَحْسِنَ الَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا أَنْتُمْ أَلَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُظْهَرُونَ

مَا بَخِلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَلَّهُ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ ۝

Maksudnya: “Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya - menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan”. (**Surah ali Imran ayat 180**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَلِهٖ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا يَعَيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأُ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً۔
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ۔
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنْهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ۔
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ۔
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مِنْهَا مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا يُعَثِّرْ دَفْرُتوانِ اكْنُوْغ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ۔
 وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مِنْهَا مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايُوسِرِي اكْنُوْغ، تُونِكُو حاجَهَ عَزِيزَهَ أَمِينَهَ مِيمُونَهَ إِسْكَنْدَرِيَهَ بَنْتَ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلَ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الحاجَ۔

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزْرَاءَهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادِنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

فَإِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْتَّغْيِيْعِ يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ^{٤٠}
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.